

Bank Draft / Pindahan Telegraf Luar Negara

Soalan 1 : Apakah yang dimaksudkan dengan bayaran secara pindahan telegraf / Bank Draft?

Jawapan :

Pindahan Telegraf merupakan pembayaran antarabangsa yang melibatkan pembayaran kepada penerima di luar negara melalui bank tempatan sebagai perantara. Contohnya bayaran Yuran Persidangan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ICAO.

Soalan 2 : Pihak kami ingin membuat pembayaran yuran kursus dalam matawang asing, apakah prosedur yang perlu dilakukan?

Jawapan :

Sila rujuk SPANM BIL. 7/ 2018 Lampiran G: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Melalui Pindahan Telegraf/ Telegraphic Transfer (TT).

Soalan 3 : Bagaimanakah pengiraan amaun kadar pertukaran matawang asing dilakukan?

Jawapan :

Pihak tuan hendaklah merujuk portal www.anm.gov.my dan klik "Pertukaran Matawang Asing" bagi mengetahui anggaran jumlah pembayaran berdasarkan kadar pertukaran matawang asing yang terkini.